

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Lima

### **Berperang dengan Orang Amalek**

Bacaan Bible: 1 Sam. 15; Kel. 17:8-13; Gal. 5:16-17, 24

- I. Satu Samuel 15 merupakan catatan tentang keingkaran Saul dalam hal menakluki orang Amalek:**
  - A. Dia menakluki musuh, namun dia sama sekali ingkar kepada Tuhan—ay. 7-9.
  - B. Di sini, Saul sama sekali dan secara sepenuhnya terdedah, dan dia kemudiannya diketepikan oleh Tuhan dan juga Samuel—ay. 14-26.
  - C. Bab ini mengandungi satu iktibar yang penting untuk kita pada hari ini.
- II. Dari segi tipologi, orang Amalek menandakan tubuh daging—manusia yang jatuh—Kel. 17:8-16:**
  - A. Amalek, iaitu tubuh daging, merupakan musuh utama dalam menghalang kita mara bersama dengan Tuan—ay. 8; Ul. 25:17-18:
    1. Nama Amalek bermakna “suka berperang”, menunjukkan bahawa tubuh daging suka berperang, memusnahkan, dan mengganggu.
    2. Pemusnah terbesar dalam kehidupan orang Kristian ialah tubuh daging—1 Ptr. 2:11.
    3. Tuhan terus-menerus berperang dengan Amalek; hakikat ini mewahikan bahawa Tuhan benci akan tubuh daging dan ingin menghapuskannya—Kel. 17:16; Gal. 5:17.
  - B. Tubuh daging merujuk kepada totaliti manusia lama yang jatuh, seluruh diri kita yang jatuh—Kel. 6:3; Roma 7:18a; Gal. 2:16:
    1. Tubuh daging ialah penghidupan keluar dan ekspresi manusia lama—Roma 6:6.
    2. Tubuh daging ialah permusuhan terhadap Tuhan, tubuh daging tidak tunduk kepada hukum Tuhan, dan tubuh daging tidak berupaya menundukkan dirinya kepada hukum Tuhan—8:7.
  - C. Tubuh daging ialah kem musuh Tuhan dan pangkalan terbesar untuk kerjanya—Gal. 5:19-21:
    1. Dalam seluruh alam semesta, dalam erti kata yang praktikal, musuh Tuhan yang satu-satunya itu bukan Syaitan, tetapi tubuh daging—Roma 8:7.
    2. Tubuh daging, iaitu manusia yang jatuh, bersatu sepenuhnya dengan Syaitan dan dipergunakan oleh Syaitan untuk berperang dengan Tuhan—Mat. 16:23; Gal. 5:17.
    3. Tubuh daging merupakan yang pertama dalam kalangan musuh kita, yang mendahului dosa, dunia, dan Syaitan untuk berperang dengan kita—Roma 8:3.
    4. Tuhan benci akan tubuh daging sama seperti Dia benci akan Syaitan, dan Dia ingin menghapuskan tubuh daging sama seperti Dia ingin menghapuskan Syaitan—Kel. 17:16; Ul. 25:17-19; 1 Sam. 15:2-3.
  - D. Amalek ada tangan yang menentang takhta Tuan—Kel. 17:16; 1 Sam. 15:22-23:
    1. Amalek cuba menggulingkan takhta Tuhan, sama seperti yang cuba dilakukan oleh Syaitan dahulu—Kel. 17:8, 16.
    2. Seperti Syaitan sendiri, tubuh daging menentang kuasa Tuhan—Yes. 14:12-14:
      - a. Tubuh daging memberontak terhadap Tuhan dan menentang takhta-Nya.
      - b. Tubuh daging menentang segala apa yang dilakukan Tuhan menurut pemerintahan-Nya.

## SATU DAN DUA SAMUEL

### Mesej Lima (sambungan)

3. Tubuh daging kita ialah musuh kepada kuasa Tuhan dan memberontak terhadap pentadbiran pemerintahan-Nya:
    - a. Tubuh daging paling hodoh kerana ia menentang takhta, pentadbiran, dan rancangan Tuhan—Wahi 4:2; 5:6; Ef. 3:11.
    - b. Setiap aspek tubuh daging kita, sama ada yang baik atau yang jahat, ialah musuh kepada kuasa Tuhan.
    - c. Segala apa yang berasal daripada tubuh daging menentang takhta Tuhan; itu akan dipergunakan oleh Syaitan, yang licik itu, iaitu musuh Tuhan, untuk menghambat tujuan Tuhan—2 Kor. 2:11.
  - E. Tubuh daging berlawanan dengan kemaharajaan:
    1. Di mana adanya tubuh daging, di situ mustahil adanya kingdom Tuhan.
    2. Atas sebab ini, tubuh daging haruslah ditanggulangi secara tuntas, kemudian barulah kingdom Tuhan dapat datang.
- III. Dalam 1 Samuel 15:2, Yehova mengisytiharkan bahawa Dia akan menghukum orang Amalek atas apa yang telah dilakukan oleh mereka terhadap orang Israel semasa mereka berperang dengan orang Israel:**
- A. Amalek berperang dengan bani Israel semasa mereka menempuh perjalanan untuk mencapai matlamat Tuhan—Kel. 17:8-16; 1 Sam. 15:2-3:
    1. Dalam peperangan dengan Amalek yang dihuraikan dalam Keluaran 17:8-16, Musa berdiri di atas puncak bukit dengan tongkat Tuhan di tangannya, dan Yosua keluar bersama dengan orang yang terpilih untuk berperang dengan Amalek dan mengalahkan Amalek.
    2. Sementara Yosua berperang, Musa berdoa.
    3. Setelah Yosua mengalahkan Amalek, Tuhan mengisytiharkan bahawa Dia akan “berperang dengan orang Amalek dari generasi ke generasi” (ay. 16); ini menunjukkan betapa seriusnya Tuhan memandang halangan yang diakibatkan oleh orang Amalek.
  - B. Keluaran 17:8-13 menunjukkan kepada kita cara berperang dengan Amalek:
    1. Kita berperang dengan Amalek melalui Kristus yang berdoa-pinta dan Roh yang berjuang—Roma 8:34; Ibr. 7:25; Gal. 5:17:
      - a. Musa mengangkat tangannya di atas puncak gunung mentamsilkan Kristus yang naik ke syurga itu berdoa-pinta di syurga-syurga—Kel. 17:9, 11.
      - b. Yosua berperang dengan Amalek mentamsilkan Roh yang huni secara dalaman itu berperang dengan tubuh daging—ay. 9, 13.
      - c. Kita perlu berada dalam kesatuan dengan Kristus yang berdoa-pinta untuk bekerjasama dengan Roh yang berjuang—Kol. 3:1-3, 5; Roma 8:34, 13; Gal. 5:24, 17.
    2. Dalam pertempuran menentang Amalek, kita perlu bekerjasama dengan Tuan dengan berdoa dan dengan mematikan tubuh daging—Luk. 18:1; 1 Tes. 5:17; Roma 8:13; Gal. 5:24:
      - a. Apabila kita berdoa, kita satu dengan Kristus yang berdoa-pinta—Roma 8:34.
      - b. Apabila kita mematikan tubuh daging, kita satu dengan Roh yang berjuang—Gal. 5:17.
      - c. Dari satu segi, kita harus berdoa bersama dengan Kristus; dari segi yang lain, kita harus membunuh tubuh daging melalui Roh yang berjuang—ay. 24.

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

### Mesej Lima (sambungan)

d. Menyalibkan manusia lama ialah tanggungjawab Tuhan; menyalibkan tubuh daging ialah tanggungjawab kita—Roma 6:6; 8:13; Gal. 5:24.

#### **IV. Tuhan memerintahkan Saul agar “pukul orang Amalek” dan “binasa habiskan segala-gala yang dimiliki mereka” dan jangan mengasihani mereka, namun dia tidak patuh kepada perintah Yehova—1 Sam. 15:3-9:**

- A. Saul membunuh orang Amalek, tetapi dia mengasihani Raja Agag dan yang terbaik daripada domba, lembu, ternakan tambun, anak domba, dan segala-gala yang baik—ay. 7-9.
- B. Saul dan umat mengasihani bahagian terbaik daripada benda-benda yang sepatutnya dibinasahabiskan oleh mereka itu menggambarkan hakikat bahawa dari segi pengalaman, kita menghargai aspek yang baik pada tubuh daging kita, hayat alamiah kita, dan kita tidak ingin membinasakannya:
  - 1. Segala-gala yang kita lakukan tanpa kurnia Tuhan dan dengan tidak bergantung pada-Nya serta tidak yakin kepada-Nya adalah daripada tubuh daging—Flp. 3:3-4.
  - 2. Setiap aspek tubuh daging, sama ada baik atau jahat, bertentangan dengan kurnia dan kingdom Tuhan serta menghalang kita daripada menikmati Kristus; oleh itu, kita harus benci akan setiap aspek tubuh daging dan bersikap mutlak dalam hal membinasakan tubuh daging—Roma 8:13; Gal. 3:3; 5:2-4.
- C. Tuhan tidak mahu Saul menggunakan yang terbaik daripada ternakan itu sebagai korban kepada-Nya—1 Sam. 15:15:
  - 1. Apa jua yang diberikan dan dipersembahkan kepada Tuhan yang berpunca daripada tubuh daging adalah jahat di mata-Nya—ay. 19.
  - 2. Mempersembahkan sesuatu kepada Tuhan menurut kehendak kita sendiri adalah memandai-mandai dan berdosa—Kej. 4:5; Mat. 7:22-23.

#### **V. Berbuat baik menurut kehendak kita sendiri sebenarnya merupakan tindakan yang memberontak terhadap takhta Tuhan dan ekonomi-Nya—1 Sam. 15:22-23; Kel. 17:16:**

- A. Keingkaran Saul mendedahkan dia sebagai pemberontak Tuhan dan musuh Tuhan—1 Sam. 22:17.
- B. Saul betul-betul memberontak terhadap Tuhan; dia langsung tidak tunduk kepada Tuhan, dan juga tidak mengambil Tuhan sebagai Raja dan Kepalanya.
- C. Dia dikonstitusikan dengan pemberontakan, yang sejahat dengan penyembahan berhala—15:23.
- D. Apa-apa yang dilakukan Saul adalah sejahat dengan hal menghubungi roh jahat untuk melaksanakan tujuan roh jahat itu, bukan tujuan Tuhan—ay. 23.
- E. Semua pemberontakan ialah hal berkenaan sikap memandai-mandai, yang berani melakukan sesuatu tanpa Tuhan.

#### **VI. Saul kehilangan kemaharajaannya kerana dia tidak membinasahabiskan Amalek—15:26, 28:**

- A. Jika kita tidak bersikap mutlak dalam menanggulangi tubuh daging kita, kita akan kehilangan kemaharajaan kita, sama seperti Saul—1 Ptr. 2:9; Wahi 1:6; 5:10.
- B. Catatan tentang keingkaran Saul merupakan suatu amaran, yang menunjukkan bahawa kita tidak harus melakukan apa-apa pun dalam kingdom Tuhan melalui tubuh daging kita; dalam segala hal, kita harus menyalibkan tubuh daging kita dan melatih roh kita dengan setianya untuk mengikut Tuan, yang merupakan

## SATU DAN DUA SAMUEL

### Mesej Lima (sambungan)

Roh beri-hayat yang terkonsumsi yang menghuni roh kita secara dalaman dan yang bersatu dengan kita—1 Kor. 15:45; 6:17; 2 Tim. 4:22; Gal. 5:16, 25.

- C. Apabila Amalek ditanggulangi, dengan serta-merta datanglah kingdom Tuhan—Kel. 18:1-26:
  - 1. Kingdom Tuhan merujuk kepada kuasa Tuhan yang melaluinya segala sesuatu dijadikan tunduk kepada Tuhan—Mrk. 1:15; Yoh. 3:3, 5; Wahi 11:15; 12:10; Dan. 2:44.
  - 2. Disebabkan tubuh daging berlawanan dengan kemaharajaan, maka tubuh daging haruslah ditanggulangi secara tuntas, kemudian barulah kingdom Tuhan dapat datang—1 Kor. 6:9-10; Ef. 5:5.
- D. Jika kita mengikut kata Tuan supaya membinasahabiskan tubuh daging dan hidup serta bergerak-hidup menurut roh, kita akan mempunyai kemaharajaan dan akan berada dalam kingdom Tuhan—Roma 8:4; 14:17; Gal. 5:19-21; 2 Ptr. 1:5-11.